



KENYATAAN TAWARAN TENDER
PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMPM)

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah dan menggunakan Sistem e-Perolehan bagi menyertai tender berikut :-

Bil.	No. / Tajuk Tender	Kelas Pendaftaran	Taklimat Tender	Tarikh Tutup Tender	Kaedah Perolehan
1.	PKPMP(02)(T)17/2017 Perkhidmatan Pembersihan Bangunan Dan Pejabat, Membersih Kawasan, Kawalan Serangga Perosak, Anti Termite, Pengindahan Bangunan / Hiasan Dalam dan Serta Landskap Dan Kawasan Mahkamah Sesyen Temerloh, Mahkamah Sesyen Raub, Mahkamah Majistret Pekan, Mahkamah Majistret Maran, Mahkamah Majistret Bentong, Mahkamah Majistret Kuala Lipis, Mahkamah Majistret Jerantut Dan Mahkamah Majistret Rompin, Pahang	Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) Kod Bidang 221001, 221002, 221402 & 221402	03 November 2017 (Jumaat) Bertempat : Dewan Persidangan, Aras 1 Istana Kehakiman, PUTRAJAYA Pendaftaran : 9.00 – 10.00 Pagi Taklimat : 10.00 Pagi (Kehadiran Petender Adalah DIWAJIBKAN)	24 November 2017 (Jumaat) Sebelum / Pada Jam 12.00 Tengahari	Secara E-Perolehan

- Petender yang ingin menyertai tender ini mestilah e-Perolehan *enable*. Dokumen tender boleh dilihat untuk paparan mulai **01 November 2017 (Rabu)** di laman web www.eperolehan.gov.my dengan klik pada pautan Notis Iklan Tender yang berkenaan, di laman web rasmi **Pejabat Ketua Pendaftar** dan di **MYPROCUREMENT**. Manakala pretender hanya boleh memuat naik dokumen tawaran di laman web www.eperolehan.gov.my mulai **03 November 2017 (Jumaat)**.
- Individu yang menghadiri taklimat/lawatan tapak **hendaklah** terdiri daripada **penama** sepertimana tercatat di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan hanya **penama** di Sijil Aduan Pendaftaran Syarikat sahaja. Maksimum **dua (2) orang** wakil bagi setiap syarikat.
- Petender adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri sesi taklimat dengan membawa bersama **Borang Pengesahan Kehadiran (Muat turun dari sistem ePerolehan (LAMPIRAN A3))** - Borang tidak akan dibekalkan) serta **Cop Syarikat, salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Sijil Bumiputera** (jika berkenaan) (tidak akan dikembalikan). Kegagalan Petender menghadiri Taklimat Tender tersebut mengakibatkan Cadangan Petender tidak layak dipertimbangkan dan akan **DITOLAK. KELEWATAN** petender menghadiri taklimat juga boleh menyebabkan petender **GAGAL** menyertai tender. Petender hendaklah berdaftar dalam kod bidang yang dinyatakan di atas dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan sijil tersebut masih dalam tempoh sah laku. Petender yang mematuhi semua syarat kod bidang sahaja akan di kunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan dan akan memperolehi nombor ID Pembekal bagi membolehkan Petender mengunci masuk tawaran di dalam sistem ePerolehan.
- Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem e-Perolehan pada atau sebelum **24 November 2017 (Jumaat) jam 12.00 tengahari**.
- Dokumen Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan juga hendaklah dimasukkan ke dalam dua (2) sampul surat berasingan berlakri dengan bahagian atas di penjuru kiri sampul surat ditulis dengan "Cadangan Kewangan" dan "Cadangan Teknikal" dan kedua-dua sampul tersebut kemudiannya hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat yang dimeteraikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul No. Tender berkaitan serta ID Pembekal dan dikembalikan pada atau sebelum **24 November 2017 (Jumaat) jam 12.00 tengahari** kepada :

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Bahagian Pengurusan, Aras 3
Istana Kehakiman, Presint 3
62506 PUTRAJAYA.

- Tawaran tender yang lewat dikemukakan melalui Sistem e-Perolehan serta kelewatan menghantar dokumen manual seperti mana arahan tender tidak akan dipertimbangkan.
- Kerajaan Malaysia tidak terikat untuk menerima Tender dengan harga yang terendah atau mana-mana tender atau memberi apa-apa